



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**MAKLUM BALAS RASMI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BERHUBUNG
DAKWAAN KLUSTER KANSER DI PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
(PPUM)**

PUTRAJAYA, 23 APRIL 2026 – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memberi maklum balas berkaitan dakwaan kewujudan kluster kanser di Unit Perubatan Nuklear, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan (BKRP) telah menjalankan siasatan menyeluruh berkaitan dakwaan kewujudan kluster kanser dalam kalangan kakitangan di Unit Perubatan Nuklear, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Siasatan ini dilaksanakan bagi menilai tahap keselamatan radiasi serta pematuhan terhadap keperluan perundangan di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304).

Hasil siasatan mendapati bahawa tahap keselamatan radiasi di fasiliti berkenaan adalah **selamat, terkawal serta tiada isu pematuhan keselamatan sinaran yang kritikal.**

Sehubungan itu, **tiada bukti teknikal yang menyokong dakwaan bahawa pendedahan radiasi di fasiliti ini telah menyebabkan kejadian kanser dalam kalangan kakitangan.**

KKM ingin menegaskan bahawa keselamatan pesakit, pekerja kesihatan dan orang awam sentiasa menjadi keutamaan. Pemantauan berkala serta audit pematuhan akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan semua fasiliti mematuhi standard keselamatan radiasi yang ditetapkan.

Orang ramai dinasihatkan agar tidak membuat sebarang spekulasi atau menyebarkan maklumat yang tidak sahih yang boleh menimbulkan kebimbangan awam. KKM komited untuk memastikan ketelusan maklumat dan akan terus menyalurkan maklumat yang tepat berdasarkan bukti teknikal.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

23 April 2026